



30 Julai 2015
30 July 2015
P.U. (A) 173

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN) 2015

REGISTRATION OF ENGINEERS (AMENDMENT) REGULATIONS 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENDAFTARAN JURUTERA 1967

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26 Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat Peraturan-Peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 31 Julai 2015.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jurutera 1990 [*P.U. (A) 128/1990*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Jurutera berdaftar” di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam peraturan 27, 31, 32 dan 33, dengan perkataan “Orang berdaftar”;
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “registered Engineer” dan “registered Engineers” di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam peraturan 27, 31, 32 dan 33, masing-masing dengan perkataan “registered Person” dan “registered Persons”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “Amalan Jurutera Perunding” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “amalan perundingan Kejuruteraan”; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan “dalam Jadual I” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “di laman sesawang Lembaga”.

Pindaan peraturan 4

3. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Walau apa pun subperaturan (1), dalam keadaan luar biasa, Pengerusi boleh meminta Setiausaha untuk memberikan tidak kurang daripada tiga hari notis bertulis untuk memanggil suatu mesyuarat.”.

Pindaan peraturan 8

4. Subperaturan 8(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong di mana-mana jua terdapat perkataan “dengan resolusi” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan peraturan 9

5. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Pelantikan Setiausaha Lembaga di bawah subperaturan (1) boleh dibuat bagi tempoh dua tahun dan boleh diperbaharui.”.

Pindaan peraturan 10

6. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “satu” dengan perkataan “lima”.

Pindaan peraturan 18

7. Peraturan 18 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Tiap-tiap permohonan untuk pendaftaran sebagai seorang Orang berdaftar hendaklah disertakan dengan—

(a) suatu fi pemprosesan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual II, yang tidak boleh dibayar balik; dan

(b) suatu fi pendaftaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual II, yang hendaklah dibayar balik kepada pemohon yang permohonannya tidak berjaya,

dan fi itu mestilah dalam bentuk kiriman wang, draf bank, cek atau apa-apa bentuk lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, yang kena dibayar kepada Lembaga.”;

(b) dengan memotong subperaturan (2); dan

(c) dengan menggantikan subperaturan (2A) dengan subperaturan yang berikut:

“(2A) Seorang Jurutera Siswazah hendaklah mengemukakan permohonan untuk pendaftaran sebagai seorang Jurutera Profesional dalam tempoh satu tahun—

(a) dari tarikh dia diberitahu oleh Lembaga bahawa dia telah lulus Peperiksaan Penilaian Profesional sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 38; atau

(b) dari tarikh dia menjadi seorang ahli korporat Institut Kejuruteraan (Malaysia).

(2B) Walau apa pun subperaturan (2A), jika tempoh permohonan telah tamat, seorang Jurutera Siswazah boleh, dalam masa yang munasabah, memohon pelanjutan masa untuk mengemukakan permohonan untuk pendaftaran sebagai Jurutera Profesional kepada Lembaga dan Lembaga boleh melanjutkan masa sebagaimana yang difikirkannya patut.”.

Pindaan peraturan 19

8. Peraturan 19 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Seorang Orang berdaftar di bawah Akta hendaklah dikeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga yang ditandatangani sewajarnya oleh Pengerusi dan Pendaftar dan dimeterai dengan meterai Lembaga.”.

Pindaan peraturan 20

9. Peraturan 20 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Jurutera berdaftar, selain seorang Jurutera Siswazah,” dengan perkataan “Orang berdaftar”; dan

(ii) dalam subperenggan (a)(i), dengan menggantikan perkataan “dalam Jadual I” dengan perkataan “di laman sesawang Lembaga”;

(b) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Lembaga hendaklah mengeluarkan kepada Jurutera berdaftar” dengan perkataan “Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada Orang berdaftar”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “dalam Jadual I” dengan perkataan “di laman sesawang Lembaga”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut: